

Punca Penurunan Harga Minyak

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Harga minyak petroleum mentah dunia telah turun mendadak semenjak pertengahan tahun lepas yang telah menarik perhatian umum bukan sahaja di Malaysia malahan diseluruh dunia. Di peringkat dunia, ianya mempunyai kesan positif kepada negara pengimport minyak dan sebaliknya kesan negatif kepada negara pengeksport minyak. Walau bagaimanapun, ekonomi dunia dijangka mendapat kesan bersih dengan pertumbuhan positif. Mengikut anggaran Bank Dunia, ekonomi dunia akan berkembang sebanyak 0.5 peratus hasil dari 30 peratus penurunan harga minyak mentah.

Di Malaysia, pengguna menikmati kesan penurunan tersebut melalui harga runcit petrol yang lebih murah di pam. Namun demikian hasil kerajaan akan berkurangan. Menyedari hakikat ini, kerajaan telah mengambil langkah untuk menyelaraskan budget yang sedikit sebanyak menjejaskan masyarakat umum samaada secara langsung atau tidak langsung.

Persoalannya, apakah punca penurunan harga minyak mentah dunia? Adakah episod penurunan harga ini suatu kebiasaan atau sesuatu yang luar biasa? Kerisauan masyarakat umum tentang situasi ini adalah suatu isu penting. Isu ini cuma terjawab dengan mengkaji kesan dari penurunan harga minyak terhadap ekonomi, yang akan dibincangkan dalam episod akan datang. Untuk keluaran ini, marilah kita lihat punca-punca penurunan harga minyak mentah dunia. Ini akan membantu untuk kita memahami kesan-kesan terhadap ekonomi.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Penurunan dan kenaikan harga minyak mentah dunia ditentukan oleh permintaan dan penawaran seperti lain-lain barangan. Sebagai barangan komoditi, permintaan minyak mentah bergantung kepada permintaan terbitan untuk kegunaannya. Minyak mentah diproses untuk membuat produk-produk petroleum, contohnya minyak petrol yang kita biasa gunakan sebagai bahanapi untuk menjana motokar dan bahan-bahan petrokimia. Selain dari kegunaan oleh pengguna, produk-produk petroleum digunakan secara meluas untuk industri-industri hiliran. Sekiranya permintaan untuk produk petroleum meningkat, permintaan terhadap minyak mentah juga akan meningkat dan seterusnya memberi kesan terhadap kenaikan harga minyak mentah.

Penawaran minyak mentah ditentukan oleh anugerah faktor secara semula jadi dan kemampuan teknologi untuk mengeluarkannya dari perut bumi. Kuantiti penawaran berkadar terus dengan harga. Namun demikian, pengeluaran minyak mentah dunia juga dipengaruhi oleh dasar Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) yang menguasai hampir separuh pasaran dunia. Sekiranya OPEC mengambil langkah untuk meningkatkan pengeluaran, harga minyak mentah dunia akan menurun, dan sebaliknya.

Semenjak tahun 1980an, disamping episod kali ini terdapat lima lagi episod penurunan harga minyak mentah dunia secara mendadak melebihi 30 peratus meliputi jangkmasa melebihi enam bulan. Kesemuanya berkaitan dengan keadaan ekonomi dunia dan pasaran minyak semasa. Lima episod tersebut adalah 1985-86, 1990-91, 1997-98, 2001, dan 2007-09. Empat dari episod tersebut adalah berpunca dari kejutan penurunan permintaan. Dua dari episod penurunan permintaan tersebut berpunca dari kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat, iaitu pada 1990-91 dan 2001. 1997-98 merupakan krisis ekonomi Asia manakala yang terbaharu, 2007-2009 adalah merupakan krisis kewangan global. Cuma pada tahun 1985-86, penurunan harga adalah disebabkan oleh kejutan penawaran.

Harga akan menurun samaada kejutan berpunca dari pengurangan permintaan atau peningkatan penawaran. Namun demikian, jumlah kuantiti yang dipinta akan menurun hasil dari kejutan penurunan permintaan, sekiranya faktor-faktor lain tidak berubah. Tetapi, kuantiti yang dipinta akan meningkat hasil dari kejutan positif penawaran, juga

sekiranya faktor- faktor lain tidak berubah. Jadi punca kejutan mempunyai implikasi yang agak berbeza terhadap ekonomi.

Berbalik kepada situasi semasa, kejutan kali ini adalah merupakan kejutan positif penawaran. Seperti kejutan pada tahun 1985-86, harga minyak mentah berada pada paras yang tinggi sebelum episod kejatuhan harga dan ini memberi rangsangan kepada perkembangan teknologi, samaada melalui pungurangan penggunaan minyak di peringkat pengguna atau pun peningkatan kecekapan pengeluaran. Sebelum kejutan 1985-86, harga minyak pada tahun 1970an berada pada paras yang tinggi. Ini memberi rangsangan kepada pengeluaran melalui penemuan baru telaga-telaga minyak terutama di Laut Utara (di Eropah) dan Alaska, Amerika Syarikat. Hasilnya, penawaran dunia telah bertambah dan OPEC mengambil langkah untuk memelihara bahagian pasaran dengan tidak menurunkan kuantiti. Hasilnya harga merudum pada tahun-tahun 1985-86.

Pada kali ini peningkatan penawaran berpunca dari peningkatan pengeluaran minyak bukan konvensional oleh Amerika Syarikat, iaitu melalui peningkatan pengeluaran *minyak syal* (Shale oil) dan pasir tar (tar sands). Kos pengeluaran minyak bukan konvensional ini adalah lebih mahal namun dengan harga minyak mentah yang mahal masih berekonomi untuk mengeluarkannya. Semenjak tahun 2009 selepas ekonomi dunia pulih dari kemelesetan pada tahun 2008-2009, harga minyak mentah dunia berada pada paras yang tinggi dengan purata US\$105 setong sehingga pertengahan tahun lepas. Faktor inilah yang megalakan penemuan teknologi terkini untuk mengeluarkan minyak bukan konvensional, terutamanya oleh Amerika Syarikat.

Pengeluaran minyak dunia telah meningkat dengan pengeluaran minyak bukan konvensional oleh Amerika Syarikat ini. Pada masa yang sama pengguna Amerika telah mengurangkan penggunaan minyak hasil dari kecekapan teknologi kenderaan baru serta penggunaan biobahan api sebagai bahan api alternatif. Kesannya, Amerika Syarikat telah pertama kali menjadi negara pengeksport produk petroleum. Manakala import minyak mentah oleh Amerika Syarikat telah menurun dengan ketara. Perlu diingat bahawa Amerika Syarikat menggunakan lebih kurang seperempat minyak mentah dunia. Pada masa yang sama OPEC memilih untuk memelihara bahagian

pasaran, seperti semasa episod 1985-86, dengan tidak mengurangkan pengeluaran. Maka kesannya harga minyak mentah berada pada paras yang amat rendah seperti sekarang. Menurut pendapat pakar dari seluruh dunia, harga minyak mentah untuk tahun ini tidak akan kembali keparas US\$105 setong seperti harga sebelum krisis, tetapi akan berlegar di antara US\$50–70 setong kerana pengeluar minyak bukan konvensional di Amerika masih mampu bertahan sekiranya harga kekal di atas paras US\$50 setong di samping OPEC memilih untuk tidak mengurangkan pengeluaran.